

Bahagian A


[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada usaha-usaha untuk melestarikan khazanah hutan negara.

Huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha** untuk melestarikan khazanah hutan negara.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

USAHA-USAHA MELESTARIKAN KHAZANAH HUTAN

Bahagian B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Silat, tae kwan do, judo, karate dan wushu adalah antara seni mempertahankan diri yang popular di negara kita. Pelibatan remaja dalam seni bela diri ini merupakan sebahagian daripada langkah yang terbaik untuk membina kecergasan fizikal, disiplin diri dan kemahiran sosial.

Jelaskan kelebihan mempelajari seni mempertahankan diri dalam kalangan remaja.

2. Penggunaan telefon pintar dalam kalangan anak-anak semakin meningkat disebabkan wujudnya jaringan sosial seperti *Facebook, Twitter, My Space, WhatsApp* dan *Instagram*.

Bincangkan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak memanfaatkan penggunaan telefon pintar dalam kehidupan.

3. Anda telah mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan di peringkat daerah. Tajuk syarahan ialah “Ke Arah Melahirkan Semangat Patriotisme dalam Kalangan Masyarakat.”

Tulis syarahan anda itu selengkapnya.

4. Penularan penyakit berjangkit seperti COVID-19, Influenza A (H1N1), SARS dan AIDS telah mendatangkan kebimbangan kepada negara yang dilanda wabak tersebut.

Bincangkan kerjasama yang perlu dilakukan oleh negara-negara terlibat untuk menangani penularan penyakit-penyakit berbahaya.

5. ‘Ketinggian peribadi menjadi amalan
Ketelusan hati jadi bekalan’

Pantun dua kerat di atas menjelaskan bahawa keperibadian yang mulia amat penting dalam kehidupan manusia.

Bincangkan kepentingan keperibadian yang mulia dalam kehidupan masyarakat Malaysia kini.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT